

KOLEKSI PERCUBAAN

SPM

TASAWWUR ISLAM

2022

BAHAGIAN B

SOALAN 2

JOHOR 1

- 2 a i. Firman Allah SWT yang bermaksud : [2 markah]
 “ Sungguh telah Kami terangkan kepadamu ayat-ayat (Kami), jika kamu mahu berfikir”.
- Berdasarkan ayat di atas, nyatakan maksud akal.
- ii. Nyatakan **dua** implikasi manusia yang menggunakan fungsi akal [4 markah]
 berpandukan wahyu Allah.
- iii. Terangkan **dua** perkara yang boleh merosakkan akal. [4 markah]
- b i. Nyatakan maksud perundangan Islam. [2 markah]
- ii. Senaraikan **dua** sumber utama sistem perundangan Islam. [2 markah]
- c

Hukuman Islam bersifat memberi pengajaran supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama.

 [6 markah]
- Bincangkan kebenaran pernyataan di atas.

JOHOR 2

- 2 (a) Senaraikan **dua** proses kejadian insan selepas ‘alaqah. [2 markah]
- (b) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari sudut sosial. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** fungsi wahyu terhadap ibadah. [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan **dua** ciri pekerjaan di dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan implikasi hidup tanpa pekerjaan kepada masyarakat. [2 markah]

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan dividen sebanyak 6.10 peratus bagi Simpanan Konvensional dan 5.65 peratus untuk Simpanan Syariah bagi tahun 2021. Jumlah pengagihan terkumpul bagi 2021 adalah RM56.72 bilion, iaitu RM50.45 bilion untuk Simpanan Konvensional dan RM6.27 bilion lagi untuk Simpanan Syariah.

Sumber : Berita Harian, 2 Mac 2022

- (e) Berdasarkan pernyataan di atas , bagaimanakah anda dapat mengubah sikap umat Islam untuk memilih sistem kewangan syariah. [6 markah]

KELANTAN

Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 6:165, yang bermaksud : " Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan dia meninggikan beberapa darjat sebahagian kamu ... "

- 2 (a) (i) Jelaskan pengertian khalifah berdasarkan ayat di atas. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab manusia kepada Allah SWT. [4 markah]

Sejak akhir-akhir ini tular di media sosial mengenai kejadian cubaan membunuh diri dalam kalangan orang Islam.

- (iii) Perbuatan membunuh diri adalah dilarang dalam Islam. Berikan hujjah anda. [6 markah]

Undang-undang Islam membahagikan jenayah kepada empat pembahagian utama berasaskan pada hukuman yang dikuatkuasakan iaitu hudud, qisas, takzir dan diat.

- (b) (i) Berikan pengertian diat. [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [4 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** sumber rujukan utama dalam sistem kehakiman Islam. [2 markah]

PAHANG

- 2 (a) (i) Berikan maksud wahyu. [2 markah]
 (ii) Huraikan **dua** fungsi wahyu terhadap akhlak manusia. [4 markah]
 (b) Jelaskan **dua** keistimewaan al-Quran. [4 markah]
 (c) Huraikan **dua** kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. [4 markah]

Ali telah didakwa atas kesalahan mencuri telefon bimbit di sebuah kedai telekomunikasi.

- (d) (i) Nyatakan prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahannya [1 markah]
 (ii) Bagaimanakah seseorang murid dapat mematuhi perundangan Islam dalam kehidupannya. Huraikan. [5 markah]

PULAU PINANG 1

2. (a) i. Apakah maksud insan? [2 markah]
 ii. Nyatakan dua kepentingan memelihara fitrah kejadian insan. [4 markah]
 iii. Jelaskan dua tindakan anda untuk memelihara fitrah kejadian insan. [4 markah]
- (b) Senaraikan dua jenis kesalahan hukuman jenayah dalam Islam. [2 markah]
- Sistem kehakiman Islam perlu dilaksanakan sepenuhnya kerana mempunyai kepentingan terhadap individu, masyarakat dan negara.*
- (c) Huraikan dua kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam. [4 markah]



- (d) Berdasarkan gambar, logo halal telah disalahgunakan oleh pengusaha makanan di negara ini. Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, huraikan usaha anda untuk mengatasi masalah tersebut. [4 markah]

PERAK

- 2 (a) (i) Apakah maksud khalifah Allah SWT. [2 markah]
 (ii) Terangkan dua tujuan penciptaan manusia. [4 markah]
- (b) Terangkan dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT daripada aspek agama. [4 markah]
- (c) Jelaskan dua cara sistem perundangan Islam memelihara nyawa manusia. [4 markah]

Panduan lawan arus, lelaki maut kereta bertembung

Oleh [Nor Azizah Mokhtar](mailto:norazizah@nstp.com.my) - Februari 26, 2022 @ 12:27pm
norazizah@nstp.com.my

Kemalangan maut berhampiran Plaza Tol Pantai, Lebuhraya SPRINT selepas sebuah PERODUA Axia dipandu secara melawan arus, awal pagi tadi. - Foto PDRM
 KUALA LUMPUR: Seorang lelaki maut selepas kereta dipandunya secara melawan arus di Kilometer 6.2 Lebuhraya SPRINT dari arah Hartamas menghala Plaza Tol Pantai di sini, bertembung sebuah kenderaan lain, awal pagi tadi.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi itu, mangsa berusia 28 tahun yang memandu PERODUA Axia disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di bahagian dada.

- (d) (i) Berdasarkan berita di atas, senaraikan dua kesan yang akan berlaku selain daripada kematian. [2 markah]
 (ii) Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya penguatkuasaan undang-undang tidak memberi pengajaran kepada pengguna jalan raya. [4 markah]

PULAU PINANG 2

2. (a) i.

Y
• Alam yang memisahkan antara alam dunia dengan alam akhirat. • Nikmat dan seksaan kubur. • Soalan Munkar dan Nakir.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan istilah bagi **Y** dan siapakah yang akan mengalaminya?

[2 markah]

ii. Jelaskan **dua** persediaan manusia bagi menghadapi situasi di **Y**.

[4 markah]

(b) Terangkan **dua** tujuan penciptaan manusia di alam ini.

[4 markah]

(c) i.

Firman Allah SWT:

Ertinya: *"Kemudian Kami jadikan kamu menjalankan syariat daripada hukum agama; maka turutlah ia, dan janganlah diturut hawa nafsu orang yang tidak mengetahui."*

(Surah al-Jathiyah 45: 18)

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan maksud perundangan Islam.

[2 markah]

ii. Senaraikan **dua** sumber utama sistem perundangan Islam.

[2 markah]

(d)



Berdasarkan gambar, nyatakan matlamat perundangan Islam yang ingin dicapai bagi mengatasi masalah di atas.

Mengapakah perbuatan tersebut dilarang oleh Islam. Cadangkan cara bagi mengatasi masalah tersebut.

[6 markah]

SABAH


2. (a) Apakah maksud hamba? (2 markah)
- (b) i. Huraikan **dua** ciri wahyu. (4 markah)
- ii. Terangkan **dua** kedudukan akal. (4 markah)
- (c) i. Terangkan **dua** kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam. (4 markah)



- Al-Quran adalah salah satu daripada sumber utama perundangan Islam.
- ii. Senaraikan **satu** sumber perundangan Islam selain daripada al-Quran. (1 markah)
- iii. Ramalkan apa yang berlaku sekiranya masyarakat tidak berpegang kepada al-Quran sebagai sumber perundangan. (5 markah)

SARAWAK

1. (a) (i) Apakah maksud insan? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua keistimewaan insan. [2 markah]
- (iii) Nyatakan dua alam yang akan dilalui oleh manusia setelah meninggal dunia. [2 markah]
- (iv) Terangkan dua tindakan untuk memelihara fitrah kejadian manusia. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan dua asas sistem perundangan Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kelebihan sistem perundangan Islam berbanding ciptaan manusia. [4 markah]



Statistik di atas menunjukkan peningkatan kes COVID-19 di Malaysia.

- (iii) Ramalkan perkara yang akan berlaku sekiranya rakyat terus tidak mematuhi nasihat kerajaan mengenai pematuhan penjagaan kesihatan. Bincangkan.

[4 markah]

TERENGGANU

2. *Manusia memikul amanah yang paling besar sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.*

- (a) (i) Jelaskan maksud hamba. (2 markah)
 (ii) Terangkan akibat mengabaikan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah. (2 markah)

Mutakhir ini manusia tidak takut melakukan kemungkaran dan dosa secara terang-terangan malah tanpa segan silu berkongsi perbuatan tersebut dilaman sosial.

- (b) (i) Senaraikan **dua** perkara kemungkaran yang biasa berlaku di sekolah anda. (2 markah)
 (ii) Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya. (4 markah)

Umat Islam mesti berpegang kepada perundangan Islam dalam semua aspek kehidupan untuk memastikan keamanan masyarakat dan negara.

- (c) (i) Nyatakan **dua** asas sistem perundangan Islam. (2 markah)
 (ii) Terangkan **dua** perbezaan antara sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan manusia. (4 markah)
 (iii) Terangkan **dua** cara Islam memelihara keturunan. (4 markah)

PANDUAN PENSKORAN

JOHOR 1

2.	(a)	i.	Maksud akal : Keupayaan berfikir yang dikurnia Allah kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.	2 isi x 1m = 2 markah
		ii.	dua implikasi manusia yang menggunakan fungsi akal berpandukan wahyu Allah - Ibadah diterima Allah - Mendapat pahala - Menahirkan insan yang berakhlak mulia - Mencegah seseorang melakukan kemungkaran	2 isi x 2m = 4 markah
		iii.	dua perkara yang boleh merosakkan akal : - Penggunaan bahan terlarang / seperti dadah - Gejala negatif dan maksiat / seperti menonton video lucah - Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan / seperti arak - Memikirkan perkara di luar kemampuan akal / seperti memikirkan zat Allah	2 isi x 2 markah = 4 markah 2I + 2H
	(b)	i.	maksud perundangan Islam : Hukum-hukum yang ditetapkan Allah kepada manusia yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti akidah, ibadah, jenayah dan lain-lain	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	Dua dua sumber utama sistem perundangan Islam. - Al-Quran - AlSunnah - Al-ijmak - Al-Qias	2 isi x 1 markah = 2 markah 1I + 1H
	(c)		Hukuman Islam bersifat memberi pengajaran supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama. Bincangkan kebenarannya,... Setiap hukum Islam memberi peringatan kepada semua pihak bahawa jenayah adalah suatu kesalahan/ (1SI) melalui tindakan yang menginsafkan/ (H1) seperti potong tangan kepada pesalah mencuri / (H2). Hukuman ini akan kekal kepada pesalah dan sentiasa menjadi amaran kepada ramali orang supaya tidak melakukan jenayah tersebut/ (H3). Sekiranya hukuman Islam dilaksanakan pasti menimbulkan kegerunan kepada masyarakat /(H4). Maka, kita hendaklah memalihara diri dari melakukan kemungkaran agar sentiasa berada dalam perlindungan Allah S.W.T/ (K)	1 isi H1 H2 H3 H4 K = 6 markah

JOHOR 2

2. (a) Proses kejadian insan selepas 'alaqah :-

- Mudghah
 - Izam dan lahma
 - Janin
 - Bayi
- (Setengah markah bagi satu proses)
- [2M]

(b) Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari sudut sosial ialah

- Perpaduan dapat dikekalkan
 - Hidup dengan saling bertoleransi
 - Wujud keharmonian dalam masyarakat
- (Pilih dua kepentingan sahaja)
- [4M]

(c) Dua Fungsi wahyu terhadap ibadah ialah :-

- Sumber utama syariat Islam
 - Membetulkan cara beribadat
 - Ganjaran beribadat telah ditetapkan
- (Pilih dua fungsi sahaja)
- [4M]

(d) (i) Dua ciri pekerjaan dalam Islam ialah :-

- Pekerjaan yang halal
 - Menurut kehendak syariat
 - Menjaga ketenteraman awam
 - Mengambil berat tentang orang lain
- (Pilih dua ciri pekerjaan sahaja)
- [2M]

(ii) Implikasi hidup tanpa pekerjaan ialah :-

- Berlaku masalah sosial seperti melepak
 - Berlaku masalah jenayah seperti mencuri
- (Pilih satu jawapan sahaja)
- [2M]

(e) Sebagai umat Islam saya dapat mengubah sikap masyarakat untuk beralih kepada sistem kewangan Islam dengan mengadakan kempen kesedaran bagi menarik minat mereka terhadap simpanan syariah. Ini kerana ianya adalah satu kewajipan bagi umat Islam untuk menjauhkan diri dari unsur riba atau judi. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berusaha mencari rezeki yang halal agar hidup diberkati oleh Allah SWT.

[6M]

KELANTAN

2	(a)	(i)	Pengertian khalifah ialah Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mentadbir dan memakmurkan dunia / selari dengan kehendak syarak.	1 Isi X 1 huraian = [2 markah]
		(ii)	Dua tanggungjawab manusia kepada Allah SWT ialah 1. Berdoa kepada Allah SWT samaada ketika senang dan susah 2. Bertawakkal kepada Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh 3. Sentiasa berzikir untuk mengingati Allah SWT Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]
		(iii)	Perbuatan membunuh diri di larang dalam Islam kerana Dilarang oleh Allah (F) kerana bertentangan dengan syariat Islam(H) yang boleh membawa kepada kebinasaan kepada diri sendiri (F1) serta boleh membawa kepada syirik (F3) yang termasuk dalam dosa besar(F4). Dosanya tidak akan diampunkan oleh Allah SWT sekiranya ia tidak bertaubat(F5). Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 Huraian tambahan 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = [6 markah]
	(b)	(i)	Pengertian diat ialah Denda yang ditetapkan oleh syarak / sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan. (1 isi x 1 huraian, = 2m)	1 Isi X 1 huraian = [2 markah]
		(ii)	Dua matlamat sistem kehakiman Islam 1. Menjaga agama daripada perbuatan syirik 2. Menjaga akal daripada dirosakkan 3. Menjaga nyawa daripada di ancam dengan sewenang-wenangnya Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]
		(iii)	Dua sumber rujukan utama sistem kehakiman Islam 1. Al-Quran 2. Al-Hadis	2 Isi X 1 markah = [2 markah]

PAHANG

2.	(a)	(i)	Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi / rasul (1m) melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s / terus daripada Allah SWT (1m).	2 isi x 1 m = 2 m												
		(ii)	● Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain (1m) dengan harmoni / secara baik (1m). ● Panduan dalam pembentukan akhlak / akhlak mulia (1m) seperti sabar / jujur / amanah dll (1m). ● Menetapkan hukum-hukum praktis yang berkaitan dengan akhlak (1m) untuk diamalkan (1m).	2 isi x 2 m = 2 m												
	(b)	● Kandungannya benar / tidak ada keraguan / Waq'iyyah ● Panduan al-Quran meliputi pelbagai aspek / lengkap / Syumuliyah ● Kandungan / Hukum al-Quran kekal hingga hari kiamat / tidak berubah / Thabat ● Membaca / Mendengar al-Quran dikira sebagai ibadah / mendapat pahala / berkat ● Bersifat Rabbaniyyah / diturunkan oleh Allah SWT ● Bersifat 'Alamiyyah / sesuai diamalkan oleh / bagi setiap masa / tempat / zaman / bangsa	2 isi x 2 m = 2 m 2 - 0													
	(c)	● Menjaga akidah umat Islam (1m) daripada terpesong / syirik / kufur (1m). ● Menjamin keselamatan diri (1m) daripada perbuatan yang membahayakan / membahayakan nyawa (1m). ● Memastikan akal manusia terpelihara (1m) daripada perkara yang merosakkan / merosakkan pemikiran / pengaruh asing yang merosakkan (1m). ● Melahirkan zuriat yang halal (1m) melalui perkahwinan yang sah / mengikut syarak (1m). ● Memperoleh harta secara halal (1m) bukan melalui pencerobohan harta (1m).	2 isi x 2 m = 2 m													
	(d)	(i)	● Pembuktian ● Pengakuan ● Kesaksian	1 isi x 1 m = 1 m												
			Rubrik Pengskoran :- <table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>● Menyatakan satu pandangan (F)</td><td>1m</td></tr><tr><td>● Menjelaskan pandangan ● Huraian ringkas (H1)</td><td>1m</td></tr><tr><td>● Menghuraikan pandangan ● Huraian yang lengkap (H2)</td><td>1m</td></tr><tr><td>● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3)</td><td>1m</td></tr><tr><td>● Menghuraikan pandangan ● Kesimpulan ringkas (H4)</td><td>1m</td></tr></table>	Kriteria	Skor	● Menyatakan satu pandangan (F)	1m	● Menjelaskan pandangan ● Huraian ringkas (H1)	1m	● Menghuraikan pandangan ● Huraian yang lengkap (H2)	1m	● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3)	1m	● Menghuraikan pandangan ● Kesimpulan ringkas (H4)	1m	5 m
Kriteria	Skor															
● Menyatakan satu pandangan (F)	1m															
● Menjelaskan pandangan ● Huraian ringkas (H1)	1m															
● Menghuraikan pandangan ● Huraian yang lengkap (H2)	1m															
● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3)	1m															
● Menghuraikan pandangan ● Kesimpulan ringkas (H4)	1m															
		(ii)	Contoh jawapan : Mematuhi peraturan sekolah (F) untuk menjadi murid yang lebih berdisiplin (H1) seperti tidak membuang sampah merata-rata (H2) supaya kawasan sekolah menjadi bersih (H3). Oleh itu, nilai-nilai ajaran Islam perlu dipatuhi dalam segenap aspek kehidupan (H4).													

PULAU PINANG 1

2	a	i	Maksud insan -makhluk ciptaan Allah SWT yg dikurniakan akal (1 m) /dan ditugaskan utk mengabdikan diri kpd Allah SWT serta memakmurkan alam (1 m).	2 isi x 1 =2 markah
		ii	Dua kepentingan memelihara fitrah kejadian manusia ● Dapat memakmurkan bumi ● Menerima kebenaran dan menolak kebatilan ● Membentuk kehidupan yg aman dan harmoni ● Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketakwaan ● Mendapat keredhaan dan petunjuk Allah SWT	2 isi x 2 = 4 markah
		iii	Dua tindakan untuk memelihara fitrah kejadian insan ● Menjaga sikap dan tingkah laku ● Sentiasa memupuk akhlak mulia ● Sentiasa menjaga kesucian diri. ● Berusaha mewujudkan keluarga yang dibina berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah ● Sentiasa memupuk perasaan berkasih sayang sesama ahli keluarga ● Sentiasa prihatin dan saling membantu dan membimbing rakan ke arah kebaikan(RAKAN) ● Melaksanakan amanah dgn penuh tanggungjawab dan adil.	2 isi x 2 markah = 4 markah
	c	i	Dua jenis hukum jenayah Islam ● Qisas ● Hudud ● Takzir ● Diat	2 isi x 1 markah = 2 markah
		ii	Dua kepentingan melaksanakan sistem kehakiman ● Mampu menyelesaikan masalah manusia/ secara menyeluruh. ● Menegakkan amar makruf /dalam masyarakat. ● Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan/ dalam negara. ● Membendung perkara mungkar dan jenayah/ daripada berleluasa. ● Mewujudkan keadilan sejagat agar/ orang tidak bersalah terbelah. ● Mengembalikan hak/ kepada orang yang dizalimi. ● Memberi pengajaran dan didikan kpd penjenayah/ daripada mengulangi kesalahan.	2 isi x 2 =4 markah 1 Isi = 1 markah 1 Huraian = 1 markah
	d		KBAT Cadangan isi jawapan ❖ Menguatkuasakan undang-undang Islam dalam negara ❖ Pemeriksaan mengejut ke premis-premis yang disyaki ❖ Mengenakan denda yang tinggi kepada pengusaha yang bersalah ❖ Pengguna mengamalkan sikap prihatin terhadap produk makanan yang dibeli	4 markah Isi + H + HL + K

PULAU PINANG 2

2.	(a)	i.	Istilah bagi Y ialah alam barzakh/kubur (1m). Akan dialami oleh semua manusia (1m).	2x1m [2 markah]
		ii.	Dua persediaan manusia bagi menghadapi situasi di Y ialah - Sentiasa melakukan ibadah wajib (1m) seperti solat fardu, puasa ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji (1m). - Memperbanyakkan amalan sunat (1m) seperti solat sunat, puasa sunat, membaca al-Quran dan bersedekah (1m). - Berakhlak mahmudah (1m) seperti reda, sabar, amanah dan pemaaf (1m).	2x2m [4 markah] I+H
	(b)		Dua tujuan penciptaan manusia di alam ini ialah - Mengabdikan diri kepada Allah SWT (1m) dengan melakukan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya (1m). - Memakmurkan bumi Allah SWT (1m) berdasarkan syariat Allah SWT (1m).	2x2m [4 markah] I+H
	(c)	i.	Maksud perundangan Islam ialah Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan (1m) sama ada berkaitan akidah, ibadah, akhlak dan sebagainya demi kebahagiaan di dunia dan akhirat (1m).	2x1m [2 markah] I+H
		ii.	Dua sumber utama sistem perundangan Islam ialah - Al-Quran (1m). - Al-Hadis (1m).	2x1m [2 markah]
	(d)		Contoh jawapan Memelihara Nyawa (1m) Perbuatan tersebut dilarang oleh Islam kerana boleh membahayakan nyawa sendiri dan orang lain (I1) akibat memandu terlalu laju dan hilang kawalan (HR1). Cara mengatasi masalah tersebut ialah pihak berkuasa perlu mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah lumba haram (I2). Hal ini supaya mereka insaf serta tidak berani mengulangi lagi perbuatan tersebut (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita hendaklah memelihara nyawa dengan menjaga keselamatan diri dan menghindari diri daripada perbuatan yang boleh memudaratkan diri dan orang lain (K).	1x1m [1 markah] 5x1m [5 markah] I1+ HR1+I2+H L+K

PERAK

2a	i	Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi (1m) selari dengan kehendak syariat. (1m)	2 isi x 1M = 2 Markah										
	ii	Dua tujuan penciptaan manusia. - mengabdikan diri kepada Allah SWT / mengikut syariat yang disampaikan oleh para nabi - memakmurkan bumi / berdasarkan Syariat Allah SWT	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										
b		- Syariat dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan (1m) secara menyeluruh. (1m) - Rakyat berpegang teguh dengan ajaran Islam (1m) yang sebenar. (1m) - Nilai murni dan akhlak mulia dapat dihayati dan dipraktikkan (1m) oleh masyarakat (1m) -	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										
(c)		- Menyuruh umatnya menjaga kesihatan /seperti makan makanan yang halal dan baik. - Melarang umatnya terlibat dengan kegiatan yang membahayakan diri/ seperti merempit. - Melarang perbuatan bunuh diri dan orang lain/ kerana ia boleh mendatangkan kesengsaraan. - Mensyariatkan hukuman qisas / kepada pembunuh supaya wujud keadilan	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										
(d)	(i)	- Kecederaan - Kerosakan - Pengguna mengamuk - Huru-hara - Undang-ung tidak dihormati - Pergaduhan	2 isi x 1M = 2 Markah										
	(ii)	Rubrik penskoran <table border="1"><tr><td>Kriteria</td><td>skor</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta</td><td>1M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta + huraian</td><td>2M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut</td><td>3M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan</td><td>4M</td></tr></table> Cadangan isi/fakta - kes kemalangan semakin meningkat - kecederaan dan kematian meningkat - kerugian harta benda bertambah - mencemarkan imej negara - hilang anggota keluarga - menimbulkan pergaduhan	Kriteria	skor	Menyatakan fakta	1M	Menyatakan fakta + huraian	2M	Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M	Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M	
Kriteria	skor												
Menyatakan fakta	1M												
Menyatakan fakta + huraian	2M												
Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M												
Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M												

SARAWAK

2. (a) (i) Apakah maksud insan? (ms:57) [2 markah]
 - makhluk ciptaan Allah/ yg dikurniakan akal dan ditugaskan utk mengabdikan diri kpd Allah serta memakmurkan alam.

- (ii) Jelaskan dua keistimewaan insan. (ms:61) [2 markah]
 - dikurniakan akal fikiran.
 - diberikan kitab sbg panduan.
 - diberi tanggungjawab sbg khalifah.
 - dianugerahkan rasul sbg pembimbing.

- (iii) Nyatakan dua alam yang akan dilalui oleh manusia setelah meninggal dunia. (ms:60) [2 markah]
 - alam barzakh/alam kubur
 - alam akhirat

- (iv) Terangkan dua tindakan untuk memelihara fitrah kejadian manusia. (ms:63) [4 markah]
 - menjaga sikap dan tingkah laku.
 - memupuk akhlak mulia.
 - menjaga kesucian diri.
 - menjadikan keluarga dibina atas ketakwaan dan kasih sayang agar kehidupan tenteram.
 - mengambil berat, membantu dan membimbing rakan supaya mereka sentiasa positif melakukan kebaikan.
 - melaksanakan amanah dgn penuh tanggungjawab, berlaku adil, menjauhi kezaliman.

- (b) (i) Nyatakan dua asas sistem perundangan Islam. (ms:31) [2 markah]
 - pencegahan
 - pembalasan
 - pemulihan

- (ii) Terangkan dua kelebihan sistem perundangan Islam berbanding ciptaan manusia. (ms:35) [4 markah]
 - menjaga akidah umat Islam drpd terpesong seperti tiada unsur2 syirik, kufur.
 - menjamin keselamatan diri drpd perbuatan yg membahayakan nyawa.
 - memastikan akal manusia terpelihara drpd perkara2 yg merosakkan pemikiran.
 - melahirkan zuriat yg halal hasil drpd perkahwinan yg mengikut syarak.
 - memperoleh harta secara halal tanpa berlaku pencerobohan harta.

- (iii) Ramalkan perkara yang akan berlaku sekiranya rakyat terus tidak mematuhi nasihat kerajaan mengenai pematuhan penjagaan kesihatan. Bincangkan.

[4 markah]

- boleh mendatangkan kemudaratan kepada orang ramai. Hal ini kerana penyakit ini merupakan penyakit berjangkit sehingga boleh membahayakan nyawa seseorang. Kesimpulannya, kita sebagai rakyat hendaklah berusaha mematuhi garis panduan memelihara kesihatan diri agar dapat mengurangkan penularan wabak penyakit.

TERENGGANU

2.	(a)	(i)	Maksud hamba ialah Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT / dengan mematuhi segala laranganNya dan menjauhi segala laranganNya	2 markah								
		(ii)	Akibat mengabaikan tugas dan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah. - Berlaku keruntuhan akhlak dan jenayah berleluasa / menyebabkan negara menjadi huru hara - Masyarakat akan kekurangan ilmu dan dan jahil /menyebabkan kemunduran - Hilang kepercayaan kepada pemimpin dan negara akan mundur	2 markah								
	(b)	(i)	Dua perkara kemungkaran yang biasa berlaku di sekolah; - Melawan guru - Menghisap rokok - Vandalisme - Bergaduh	2 markah								
		(ii)	Pada pendapat saya perkara ini berlaku kerana kurang ilmu agama.(F/1M) Cara untuk mengatasinya ialah dengan mendalami ilmu agama(H1/1M) samada belajar di sekolah atau mendengar ceramah agama secara dalam talian (H2/1M) agar dapat mengukuhkan keimanan dalam diri (K/1M) *Faktor dan cara mengatasi mesti selari.	Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 markah)								
	(c)	(i)	Dua asas sistem perundangan Islam - Pencegahan - Pembalasan - Pemulihan	2 markah								
		(ii)	Dua perbezaan sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan manusia <table border="1"><thead><tr><th>Sistem Perundangan Islam</th><th>Sistem Perundangan Manusia</th></tr></thead><tbody><tr><td> - Ciptaan Allah SWT </td><td> - Ciptaan manusia </td></tr><tr><td> - Bersifat kekal dan tidak berubah </td><td> - Sentiasa berubah mengikut kesesuaian </td></tr><tr><td> - Bersifat syumuliyah </td><td> - Banyak kekurangan </td></tr></tbody></table>	Sistem Perundangan Islam	Sistem Perundangan Manusia	Ciptaan Allah SWT	Ciptaan manusia	Bersifat kekal dan tidak berubah	Sentiasa berubah mengikut kesesuaian	Bersifat syumuliyah	Banyak kekurangan	4 markah
Sistem Perundangan Islam	Sistem Perundangan Manusia											
Ciptaan Allah SWT	Ciptaan manusia											
Bersifat kekal dan tidak berubah	Sentiasa berubah mengikut kesesuaian											
Bersifat syumuliyah	Banyak kekurangan											
		(iii)	Dua cara Islam memelihara keturunan; - Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan zuriat yang sah - Melarang perbuatan zina, lesbian, liwat dan gay kerana merosakkan keturunan. - Menetapkan golongan wanita yang haram dikahwini seperti diharamkan berkahwin dengan ibu , adik beradik dan sebagainya. - Mengenakan hukuman sebat 100 kali kepada penzina dan rejam sampai mati.	4 markah								

SABAH

2.	(a).	i.	Maksud hamba ialah: - Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhannya dan menjauhi segala larangannya.	1 isi x 2m 2 markah
	(b).	i.	Dua ciri wahyu ialah: - Datang daripada Allah SWT <i>yang kebenarannya adalah mutlak.</i> - Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja <i>bukan kepada orang awam.</i> - Penurunan wahyu adalah melalui perantaraan malaikat Jibril a.s melalui mimpi yang benar, suara di sebalik tabir atau ilham ke dalam hati Rasulullah SAW <i>untuk disampaikan risalahnya kepada umat manusia.</i> - Kesucian terpelihara sehingga hari kiamat <i>tanpa ada perubahan.</i> - Wahyu terhenti dan tidak diturunkan lagi selepas kewafatan Rasulullah SAW <i>kerana nabi adalah yang terakhir.</i>	2 isi x 2m 4 markah
		ii.	Dua kedudukan akal ialah: - Kurniaan Allah SWT <i>yang paling istimewa kepada manusia.</i> - Membantu memahami kandungan wahyu <i>yang sebenar untuk diamalkan dalam kehidupan.</i> - Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu <i>untuk memahami dengan lebih baik.</i> - Menjadi syarat penerimaan taklif syariat Islamiah <i>yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.</i> - Mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu <i>seperti perkara ghaib.</i>	2 isi x 2m= 4 markah
	(c).	i.	Dua kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam ialah: - Merosakkan akidah <i>seperti berlaku perkara syirik dan kufur.</i> - Mengancam keselamatan nyawa <i>seperti berlaku jenayah pembunuhan.</i> - Merosakkan akal <i>melalui perbuatan minum arak dan penagihan dadah.</i> - Merosakkan keturunan manusia <i>seperti lahir anak luar nikah.</i> - Mewujudkan sistem ekonomi yang haram <i>seperti amalan riba dan rasuah.</i>	2 isi x 2m 4 markah
		ii.	Satu sumber perundangan Islam selain daripada al-Quran ialah: - al-Hadis - al-Ijmak - al-Qias	1 isi x 1m markah
		iii.	Sekiranya masyarakat tidak berpegang kepada al-Quran sebagai sumber perundangan: <u>Cadangan jawapan:</u> Masyarakat tidak menjalani kehidupan Islam yang sebenar (I) kerana tidak menghayati ajaran al-Quran (H1) yang merupakan panduan kepada umat Islam (H2) yang ajarannya kekal sehingga hari kiamat (H3). Oleh itu kita hendaklah sentiasa memahami dan mendalami ajaran al-Quran agar mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat (H4)	5 isi x 1m 5 markah